

**KERELEVANAN PENDIDIKAN LUAR DALAM SISTEM PENDIDIKAN TINGGI DI MALAYSIA**

Md Amin Md Taff<sup>1</sup>  
Azlizam Abdul Aziz<sup>2</sup>  
Jaffry Zakaria<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

<sup>2</sup>Universiti Putra Malaysia, Malaysia

**Abstrak**

Kebelakangan ini wujud pelbagai kritikan dan desakan agar pelaksanaan program pendidikan luar dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia dinilai semula. Hal ini didorong oleh timbulnya beberapa isu seperti kos penganjuran yang tinggi, insiden kemalangan, perubahan sistem pendidikan yang berfokuskan peperiksaan, dan kesesuaian pendekatan pembelajaran yang menghimpit pelaksanaan pendidikan luar di Malaysia. Secara tidak langsung, faktor-faktor ini telah mendatangkan pelbagai kesan sehingga mendorong kepada penamatan beberapa program pendidikan luar yang telah sedia terlaksana. Sehubungan itu, artikel ini akan mengupas senario dan isu semasa pendidikan luar dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia. Seterusnya penulis akan membandingkan isu ini dengan sumbangan yang telah dimainkan oleh pendidikan luar. Akhirnya, perbincangan ini dirumuskan dengan pelbagai fakta dan sokongan kajian dalam bidang pendidikan luar yang terkini.

**Kata kunci:** pendidikan luar, sistem pendidikan tinggi, pembelajaran melalui pengalaman

**THE RELEVANCY OF OUTDOOR EDUCATION SUBJECT IN MALAYSIAN UNIVERSITIES****Abstract**

Recently, the implementation of outdoor education subject in Malaysian universities are under attacks. These attacks emerged as a result of several issues in the current practices of outdoor education in Malaysian universities such as financial, accidents, exam based focus and the suitability of outdoor experiential learning in the dominance indoor learning approach. As a result, these issues had affected the implementation of outdoor education subject in several Malaysian universities. Therefore, it is the purpose of this paper to highlight current practices and issues of outdoor education subject in Malaysian universities. This paper also attempts to justify the positive contribution of outdoor education towards students' personal and social development compared to the critics. Several facts and recent research in outdoor education are highlighted in order to support the discussion.

**Keywords:** outdoor education, higher education system, experiential learning

## **PENGENALAN**

Pendidikan luar boleh didefinisikan sebagai suatu falsafah pendidikan yang berteraskan kaedah pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*), kerap dilaksanakan di alam semula jadi dan melibatkan pelaksanaan aktiviti lasak seperti berkayak, mendaki gunung dan berenang sebagai medium membina kemahiran insaniah (Bunting, 2006; Md Amin, 2004). Falsafah pendidikan yang unik ini dipercayai telah aplikasikan oleh masyarakat dunia sejak ribuan tahun lampau sebelum pengenalan sistem pembelajaran bilik darjah.

## **PERKEMBANGAN PENDIDIKAN LUAR DALAM SISTEM PENDIDIKAN FORMAL DI MALAYSIA**

Program pendidikan luar telah mula diperkenalkan dalam dunia pendidikan moden di Malaysia pada tahun 1965. Pada ketika itu, pendidikan luar telah diperkenalkan sebagai aktiviti kokurikulum pelajar Program Lanjutan Pendidikan Jasmani di Maktab Perguruan Ilmu Khas. Pelajar-pelajar tersebut diwajibkan menyertai tiga program perkhemahan pendidikan luar yang dilaksanakan di kawasan alam semula jadi. Objektif utama program tersebut adalah untuk melahirkan golongan guru yang tahan lasak dan mampu beroperasi dengan efisien dalam sistem masyarakatnya (Scholer & Lee, 1980).

Pada tahun 1979, pendidikan luar telah disenaraikan sebagai mata pelajaran akademik kepada pelajar jurusan Pendidikan Jasmani di Universiti Pertanian Malaysia (UPM, kini Universiti Putra Malaysia). Hasilnya semakin ramai guru jurusan Pendidikan Jasmani terdedah terhadap konsep pembelajaran pendidikan luar yang unik dan menarik. Pada tahun 1991, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Sekolah telah menubuhkan Pusat Kokurikulum di seluruh negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Pusat ini yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan aktiviti pendidikan luar menjadi *base camp* utama kepada aktiviti pendidikan luar dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia. Hal ini diikuti pula dengan penyenaian subtopik Rekreasi Luar dalam kurikulum Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah seluruh Malaysia pada tahun 1995 (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1995).

Selain dijadikan aktiviti kokurikulum dan mata pelajaran akademik, pendidikan luar juga telah dilaksanakan sebagai program khas bagi melahirkan golongan pendidik Malaysia yang tahan lasak dan memiliki jati diri cemerlang. Konsep ini telah mendorong Bahagian Pendidikan Guru (BPG) memperkenalkan Kursus Latihan Membina Semangat (KLMS) kepada semua pelajar maktab perguruan (kini dikenali sebagai Institut Pendidikan Guru, IPG) pada tahun 1990. Pada tahun 1994, pelaksanaan KLMS telah diberhentikan dan digantikan dengan mata pelajaran Pendidikan Luar pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, mata pelajaran Pendidikan Luar ini hanyalah diwajibkan kepada pelajar jurusan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di IPG sahaja. Akibat tuntutan semasa, BPG sekali lagi telah memperkenalkan program yang berteraskan pendidikan luar kepada semua pelajarnya pada tahun 2001. Program yang dinamakan Program Bina Insan Guru (BIG) ini bertujuan untuk membangunkan kemahiran insaniah melalui gabungan aktiviti lasak dan latihan dinamika kumpulan (Bahagian Pendidikan Guru, 2005).

Pendidikan luar juga menjadi mata pelajaran teras kepada pelajar jurusan Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani di institusi pengajian tinggi (IPT) awam. Antara universiti yang terlibat ialah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

dan Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS). Di IPT tersebut, pendidikan luar dilaksanakan melalui kelas teori dan amali serta diperkukuhkan lagi melalui penganjuran beberapa siri perkhemahan.

Program pendidikan luar di IPT Malaysia tidak hanya terhad kepada pelajar jurusan Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani sahaja. Pelajar-pelajar daripada jurusan lain juga turut didedahkan dengan pelbagai aktiviti pendidikan luar sama ada secara formal mahu pun tidak formal. Program pendidikan luar kepada para pelajar ini diperkenalkan melalui medium kokurikulum berkredit seperti Rekreasi Luar, Kembara Alam, Kemahiran Ikhtisas Rekreasi Luar dan Kemahiran Rekreasi Air. Hal ini adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamatkan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Pelajar-pelajar IPT juga turut didedahkan kepada pelbagai aktiviti pendidikan luar melalui penubuhan persatuan dan kelab pelajar yang berfokuskan aktiviti lasak. Antaranya ialah Kelab Rekreasi Luar, Kelab Kayak, Kelab Mendaki dan lain-lain lagi. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa penubuhan persatuan dan kelab ini turut memberikan nilai tambah terhadap proses perkembangan pendidikan luar dalam sistem pendidikan tinggi formal di Malaysia.

Konsep 1Malaysia yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia juga telah memberi peluang kepada ramai pelajar IPT di seluruh Malaysia untuk mengikuti program pendidikan luar. Berteraskan konsep perpaduan antara kaum, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah memperkenalkan pelbagai program pendidikan luar seperti Perkhemahan 1Malaysia pada tahun 2009, Ekspedisi Berkayak Merentas Selat Melaka pada tahun 2010, dan Ekspedisi Mendaki Gunung Kinabalu pada tahun 2010. Kesemua program pendidikan luar ini dianjurkan oleh pihak KPT khusus untuk membina perpaduan dalam kalangan pelajar yang berbilang kaum.

Berdasarkan senario, jelas yang dibincangkan bahawa pendidikan luar telah diamalkan secara menyeluruh dalam sistem pendidikan formal di Malaysia. Selain menjadi mata pelajaran akademik, pendidikan luar juga dipraktikkan oleh pelajar IPT melalui pengenalan kursus kokurikulum berkredit, penubuhan persatuan dan kelab yang berfokuskan aktiviti lasak dan penganjuran program khusus oleh pihak KPT. Kesemua usaha murni ini bermatlamat untuk mewujudkan sebuah negara bangsa yang maju dan harmoni selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Konsep 1Malaysia.

## **ISU SEMASA PENDIDIKAN LUAR DI MALAYSIA**

Walaupun pendidikan luar mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan rakyat Malaysia, namun ia tidak dapat lari daripada beberapa isu yang mula menghimpit perkembangan bidang ini terutamanya di peringkat pengajian tinggi. Isu utamanya ialah kos penganjuran aktiviti yang tinggi, selain tekanan sistem pendidikan yang berteraskan peperiksaan, insiden kemalangan dalam program pendidikan luar, persepsi negatif segelintir masyarakat terhadap aktiviti pendidikan luar, dan kurangnya pendedahan umum tentang keberkesanan program pendidikan luar di Malaysia. Akibatnya, isu-isu ini telah mendatangkan impak terhadap pelaksanaan aktiviti pendidikan luar di Malaysia.

## **Kos pelaksanaan aktiviti yang tinggi**

Aktiviti pendidikan luar kerap dilaksanakan di luar bilik darjah terutamanya di kawasan alam semula jadi bagi membolehkan pelajar mendapat impak pembelajaran melalui pengalaman yang maksima melalui interaksi sendiri, rakan, dan alam semulajadi. Selalunya lokasi pilihan ini agak terpencil bagi mengelakkan gangguan seperti bunyi bising dan pencemaran yang boleh mengganggu konsentrasi pembelajaran pelajar.

Kawasan kepulauan dan pergunungan yang jauh daripada aktiviti seharian manusia menjadi lokasi utama aktiviti pendidikan luar kerana ia kaya dengan bahan semula jadi yang dapat membantu meningkatkan mutu pembelajaran pelajar. Selain itu, unsur 'terpencil' ini membolehkan pelajar mengamalkan gaya hidup primitif di samping mencabar ketahanan fizikal dan mental mereka. Kawasan semula jadi yang terpilih ini juga seharusnya mampu menampung kepelbagaian aktiviti kemahiran pendidikan luar yang berteraskan cabaran darat (mendaki, menjejak, mengembara), cabaran air (berkayak, berenang, memancing), aktiviti apresiasi alam (snorkeling, kajian alam, pemerhatian haiwan), dan aktiviti khidmat masyarakat. Perlaksanaan aktiviti yang pelbagai ini amat penting dalam membangunkan potensi individu yang seimbang dan harmonis sebagaimana yang telah digariskan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Aktiviti pendidikan luar yang biasanya dilaksanakan dalam bentuk perkhemahan ini kerap dilaksanakan dalam jangka masa yang panjang (di antara 7 hingga 14 hari) bagi membolehkan pelajar membina infrastruktur kawasan perkhemahan (contohnya tandas, khemah dan dapur) yang sempurna. Setelah itu, barulah pelajar boleh menjalankan pelbagai aktiviti yang telah dirancang khusus untuk membina potensi diri mereka.

Bagi mengelakkan pencemaran dan kerosakan kawasan perkhemahan, program pendidikan luar, terutamanya di IPT Malaysia kerap membawa bekalan kayu yang dibeli khusus untuk membuat rak dan menara bagi menampung keperluan program yang dilaksanakan. Pelbagai peralatan aktiviti juga perlu dibawa ke kawasan perkhemahan bagi memastikan kelancaran perjalanan program pendidikan luar yang telah dirancang.

Teknik fasilitasi merupakan teknik pengajaran dan pembelajaran yang amat penting dalam pendidikan luar. Jika diaplikasikan dengan betul, teknik ini akan menghasilkan pembelajaran yang optimum dan berkekalan sepanjang hayat (Thomas, 2008). Sehubungan itu, program pendidikan luar di IPT Malaysia menggunakan khidmat fasilitator yang ramai untuk membantu proses fasilitasi dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan. Selain itu, kehadiran fasilitator yang terlatih juga dapat membantu mengurangkan risiko kemalangan dalam aktiviti pendidikan luar yang dilaksanakan. Hal ini juga selaras dengan pematuhan nisbah keselamatan (*standard operational procedure*) yang telah ditetapkan oleh badan-badan pendidikan luar kebangsaan.

Walau bagaimanapun, kriteria pemilihan lokasi aktiviti yang terpencil, jangka masa program yang panjang, penyediaan peralatan aktiviti yang banyak dan penglibatan fasilitator yang ramai telah mendatangkan kesan peningkatan kos kewangan yang amat meruncing dalam program pendidikan luar yang dilaksanakan. Senario ini diburukkan lagi dengan kenaikan harga bahan api dan makanan akibat krisis global baru-baru ini. Secara spesifiknya antara kos yang telah meningkat mendadak akibat keempat-empat faktor ini ialah:

### **1. Kos pengangkutan (sewaan bas, bot dan feri)**

Peningkatan dalam kos pengangkutan ini didorong oleh faktor lokasi aktiviti yang jauh dan terpencil, bilangan peserta dan fasilitator yang ramai serta pengangkutan peralatan aktiviti yang banyak.

### **2. Kos pembelian dan penyediaan makanan**

Peningkatan kos makanan ini didorong oleh jangka masa perkhemahan yang panjang serta bilangan fasilitator dan pelajar yang ramai.

### **3. Kos pembelian peralatan perkhemahan**

Peningkatan dalam kos pembelian peralatan perkhemahan didorong oleh keperluan membina infrastruktur perkhemahan akibat berkhemah di kawasan terpencil. Sebahagian besar peruntukan kewangan terpaksa dibelanjakan bagi membeli bahan api, kayu, tali, dan kelengkapan elektrik serta air.

Ketiga-tiga faktor ini secara signifikannya telah mendorong kepada peningkatan kos penganjuran program pendidikan luar terutamanya di IPT di Malaysia. Sebagai contoh, setiap tahun UPM dan UPSI membelanjakan hampir 30 ribu ringgit bagi menampung kos perbelanjaan program perkhemahan pendidikan luarnya (Fakulti Sains Sukan, 2007; Jabatan Pengajian Sukan, 2007). Kos ini terlalu tinggi berbanding kebanyakan mata pelajaran akademik yang lain.

Akibatnya, muncul pelbagai desakan agar program ini dipendekkan jangkamasanya atau pun dihentikan sahaja pelaksanaannya akibat tidak efektif kosnya. Desakan ini diburukkan lagi dengan pemotongan bajet mengurus tahunan IPT yang didorong oleh kemelesetan ekonomi global. Kesannya, beberapa program perkhemahan pendidikan luar contohnya di UPM telah disingkatkan jangkamasanya manakala program pendidikan luar di UPSI sedang dinilai semula bagi mengenal pasti keberkesanan program berbanding kos yang dibelanjakan.

### **Tekanan sistem pendidikan yang berteraskan peperiksaan**

Dewasa ini, sistem pendidikan di Malaysia terlalu berfokuskan peperiksaan. Mata pelajaran yang berteraskan peperiksaan menjadi fokus utama masyarakat, manakala mata pelajaran yang selainnya agak terabai. Akibatnya, pendidikan luar yang merupakan mata pelajaran berteraskan nilai serta melibatkan proses penilaian yang subjektif (pemerhatian, catatan jurnal dan lain-lain lagi), semakin tersisih dalam hierarki kepentingan akademik terutamanya dalam kalangan pelajar IPT. Hal ini diburukkan lagi dengan bebanan tugasannya yang ekstensif seperti pelaksanaan kelas teori dan amali, penganjuran program, dan jangkamasa perkhemahan yang panjang serta tidak efektif dengan peruntukan tiga jam kredit. Hasilnya, wujud desakan daripada segelintir pelajar dan pentadbir agar mata pelajaran ini diubah tatacara pelaksanaannya atau dikeluarkan terus daripada silibus pengajian Sains Sukan atau Pendidikan Jasmani.

Terdapat juga segelintir golongan pentadbir dan masyarakat yang bertanggapan negatif terhadap program pendidikan luar. Mereka beranggapan bahawa pendidikan luar bukanlah mata pelajaran akademik tetapi sebaliknya merupakan suatu program libur yang membolehkan pelajarnya melancong dan bersuka ria. Akibat persepsi negatif ini, tekanan agar kajian semula terhadap pelaksanaan program pendidikan luar dalam sistem pendidikan di Malaysia menjadi semakin hebat.

## **Insiden kemalangan dalam program pendidikan luar**

Risiko merupakan elemen utama yang diaplikasikan dalam program pendidikan luar khusus untuk membina potensi fizikal dan minda insan. Idea ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Progressif yang diperkenalkan oleh John Dewey (1859 – 1952) dan Kurt Hahn (1886 – 1974). Kedua-dua tokoh ini percaya bahawa cabaran dan ketidakselesaan akan menggalakkan survival individu lantas mendorong mereka untuk berusaha lebih gigih untuk meningkatkan kualiti diri (James, 1995). Idea Dewey dan Hahn telah terbukti berkesan melalui beberapa kajian yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa (contohnya kajian Hattie, Marsh, Neill, & Richards, 1997; Hill, 2004; Hughes & Estes, 2005; Hunt, 1995; Jordan & Strathdee, 1999).

Malangnya, terdapat sesetengah pihak penganjur yang gagal mengawal elemen risiko dalam program pendidikan luar mereka akibat faktor kecuaiian, lokasi aktiviti yang tidak selamat, mutu kejurulatihan yang rendah dan bencana alam. Kesannya, beberapa program pendidikan luar di IPT telah dicemari dengan insiden seperti sesat, kecederaan fizikal dan juga mental (Abdul Halim, 2008; Osman, 2007). Senario ini diburukkan lagi dengan insiden kematian yang berlaku dalam beberapa program pendidikan luar yang dianjurkan oleh sesetengah IPT, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), Kursus Latihan Membina Semangat (KLMS) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) (Berita Harian, 2007a; Mohd Yusof, 1992; Samsudin, 2006). Kesemua insiden ini telah mengundang pelbagai kritikan negatif masyarakat terhadap tahap keselamatan program pendidikan luar di IPT di seluruh Malaysia. Malah insiden kemalangan maut ini telah menjadi salah satu faktor utama yang mendorong penamatan program KLMS pada tahun 1994 (Ahmad Burak, 1993; Ayu Zainora, 1992).

## **Pendidikan luar bertentangan dengan stigma masyarakat timur?**

Terdapat sesetengah golongan yang memandang negatif terhadap pelaksanaan program pendidikan luar. Hal ini mungkin kerana pendidikan luar melibatkan pergaulan peserta lelaki dan perempuan yang berkhemah di suatu lokasi terpencil dalam jangkamasa yang panjang (Irmaz, 2007; Jalal Ali, 2007). Golongan ini bertanggapan bahawa faktor ini boleh mendorong kepada kewujudan gejala sosial seperti pergaulan bebas dan tanpa batas. Persepsi negatif ini diperkuatkan lagi dengan beberapa insiden gangguan seksual dalam beberapa program pendidikan luar yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu. Akibatnya, terdapat segelintir ibu bapa yang melarang anak-anak mereka daripada menyertai program pendidikan luar. Manakala sesetengah pentadbir ini pula terus membekukan penganjuran program pendidikan luar di institusi mereka.

## **Kurangnya kajian dan bukti saintifik tentang keberkesanan program pendidikan luar**

Majoriti penggiat dan penganjur program percaya bahawa pendidikan luar amat berkesan dalam melahirkan generasi muda yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial selaras dengan FPK. Generasi muda ini kelak mampu menyumbang ke arah kemurnian diri sendiri, masyarakat dan alam sekitar di samping mengamalkan prinsip ketuhanan. Elemen-elemen positif ini kerap digembar-gemburkan dalam pelbagai program pendidikan luar yang dilaksanakan di seluruh negara.

Malangnya, dakwaan ini gagal disokong dengan bukti saintifik yang kukuh akibat kurangnya kajian yang dilaksanakan dalam bidang pendidikan luar di Malaysia. Manakala sesetengah kajian yang dilaksanakan pula hanyalah 'sekadar melepaskan batuk ditangga' atau berfungsi

sebagai pelepas syarat mendapatkan ijazah atau sarjana. Akibatnya, kajian yang rendah kualiti ini tidak diterbitkan dan hanya terperap di perpustakaan institusi masing-masing

Faktor kekurangan kajian dalam bidang pendidikan luar di Malaysia ini telah mengakibatkan penggiat dan penganjur program gagal untuk meyakinkan masyarakat tentang keberkesanan program pendidikan luar anjuran mereka lantaran kekurangan bukti saintifik. Akibatnya kesahihan program pendidikan luar dalam pencapaian FPK terus dipersoalkan dan mendapat kritikan yang hebat daripada pelbagai pihak. Hasilnya, pelbagai isu yang melanda perkembangan pendidikan luar di Malaysia ini telah menimbulkan suatu persoalan yang kritikal terhadap proses perkembangannya di masa hadapan.

### **Masih relevankah Pendidikan Luar dalam kurikulum Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia?**

Setelah berlangsung lebih 30 tahun dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia, pendidikan luar kini tiba di suatu persimpangan dilema akibat pelbagai isu yang melandanya. Isu-isu ini telah mengundang pelbagai kritikan negatif sekaligus mendatangkan kesan yang serius terhadap pelaksanaan program pendidikan luar di IPT seluruh Malaysia. Antara kesan negatif akibat isu ini ialah pemecatan jurulatih, pemotongan kos penganjuran program, jangka masa program yang dipendekkan, digantikan dengan program yang berteraskan pencapaian akademik dan juga penamatan program pendidikan luar (Irmaz, 2007).

Namun begitu, ingin ditegaskan bahawa isu-isu yang dibincangkan dalam artikel ini tidak seharusnya menghantui benak pentadbir dan pendidik sekaligus merencatkan proses perkembangan pendidikan luar di Malaysia. Penulis menegaskan bahawa tidak ada suatu entiti pun di dunia ini yang tidak dibelenggu dengan masalah. Sejarah telah membuktikan bahawa isu dan masalah kelak akan menghasilkan jalan penyelesaian yang mendatangkan kesejahteraan kepada semua pihak.

Isu-isu yang dibincang dalam artikel ini hanyalah suatu cabaran bagi menghasilkan program pendidikan luar yang dinamik dan berkesan ke arah pencapaian FPK. Sekali lagi penulis ingin menegaskan bahawa isu yang dibincangkan dalam artikel ini hanyalah merupakan satu 'tompok hitam' berbanding pelbagai faedah dan manfaat yang boleh diperolehi melalui pelaksanaan aktiviti pendidikan luar. Pendapat ini disokong melalui pelbagai kajian yang telah dilaksanakan sama ada di peringkat antarabangsa mahupun tempatan dan fakta-fakta daripada senario pendidikan luar semasa di Malaysia.

### **Kajian dalam bidang pendidikan luar**

Di peringkat antarabangsa, pelbagai kajian yang telah dilaksanakan mendapati bahawa penglibatan dalam program pendidikan luar menghasilkan kesan yang amat positif terhadap domain psikososial peserta (Gordon & Dodunski, 1999; Grammann, Bonifield, & Yong-geun, 1995; Lau, Turiman, Shamsuddin, & Bahaman, 2004; Neill, 2002), membina semangat kerjasama dan perpaduan (Forgan & Jones, 2002; Jaffry, 2008), melahirkan pemimpin yang berwibawa (Climer, 2001; Hattie, Marsh, Neill, & Richards, 1997), meningkatkan tahap pencapaian akademik (Gass, 1987; Heyliger, 2002) dan menyemarakkan semangat cintakan alam (Hughes & Estes, 2005; Mew Im, Noor Azlin, & Manohar, 2006; Smith-Sebasto & Cavern, 2006; Takako, 2006; Yoshino, 2005).

Dapatan kajian di Malaysia juga menunjukkan pola yang serupa. Azita (2008) mendapati bahawa program pendidikan luar mampu membangunkan potensi kepimpinan individu, manakala kajian Jaffry (2008) dan Mazuki (2005) mendapati bahawa perkhemahan pendidikan luar mampu memupuk semangat perpaduan dalam kalangan peserta. Kajian Md Amin (2007) dan Ebil (1999) mendapati bahawa pendidikan luar mampu bertindak sebagai katalis kepada pembentukan semangat cintakan alam sekitar. Kajian yang dijalankan oleh Normar (2002) pula mendapati bahawa pendidikan luar mampu membina potensi sendiri individu yang cemerlang. Kesemua hasil kajian pendidikan luar samada di peringkat antarabangsa mahu pun tempatan telah menunjukkan bahawa pendidikan luar amat berkesan dalam melahirkan generasi Malaysia yang cemerlang seiring dengan matlamat FPK.

### **Pendidikan luar sebagai agen pembendung risiko dalam aktiviti luar**

Berbanding aktiviti sukan, lebih ramai pelajar berminat menceburi bidang pendidikan luar kerana tidak melibatkan tahap kemahiran dan kecergasan fizikal yang tinggi. Akibatnya, pelbagai lapisan pelajar yang berbeza tahap kecergasan fizikal dan mental menyertai program pendidikan luar berbanding pelajar yang menyertai acara sukan. Faktor ini secara tidak langsung menjadikan pendidikan luar lebih terdedah kepada risiko kemalangan berbanding aktiviti sukan.

Lazimnya, apabila berlaku suatu insiden yang tidak diingini dalam program pendidikan luar, pihak pentadbir akan terus mengambil tindakan terburu-buru untuk 'mengharamkan' pelaksanaan program yang serupa (aktiviti air contohnya) di institusi kendalian mereka (Berita Minggu, 2006). Namun, tindakan yang tidak rasional ini tidak pernah berjaya mengurangkan insiden kemalangan dalam pendidikan luar. Malahan data menunjukkan bahawa semakin banyak insiden kemalangan yang berlaku lantaran pengharaman aktiviti pendidikan luar di sesebuah institusi. Tinjauan penulis melalui arkib berita dalam talian mendapati bahawa dari bulan Januari hingga September 2008, terdapat sembilan insiden kematian akibat aktiviti luar anjuran pelajar sendiri (Berita Minggu, 2008a, 2008b; Mohd Nur Asmawi, 2008). Manakala pada tempoh yang sama tidak ada sebarang berita kemalangan dicatatkan dalam aktiviti pendidikan luar anjuran institusi pendidikan. Faktor ini pastinya didorong oleh tidak adanya pengawasan pendidik atau jurulatih pendidikan luar yang terlatih dalam aktiviti pendidikan luar yang dianjurkan oleh pelajar tersebut. Salah satu penyebabnya mungkin kerana 'pengharaman' program pendidikan luar di institusi tersebut.

Tindakan 'pengharaman' bukanlah langkah yang bijak dalam menangani isu insiden kemalangan dalam program pendidikan luar. Sebaliknya, pendidikan luar harus digunakan sebagai medium utama untuk mendidik pelajar dan pendidik serta pentadbir tentang teknik-teknik mengatasi risiko dalam program pendidikan luar. Negara maju seperti Amerika Syarikat, Great Britain, New Zealand dan Australia menjadikan pendidikan luar sebagai medium utama untuk mendidik masyarakat tentang keselamatan di alam semula jadi. Program pendidikan keselamatan pendidikan luar ini diterapkan secara rasmi dalam kurikulum pendidikan negara tersebut seawal pelajar berumur lima tahun. Kesannya, kadar kematian akibat aktiviti pendidikan luar atau di alam semula jadi di negara tersebut mencatatkan penurunan yang drastik (Priest, 1989; Zink, 2003).

### **Pendidikan luar sebagai katalis modal insan dan pembinaan wadai 1 Malaysia**

Secara dasarnya, pendidikan berasaskan bilik darjah di Malaysia terlalu berfokuskan domain kognitif dan memberikan tumpuan yang utama terhadap peperiksaan. Mereka yang cemerlang



dalam peperiksaan akan dianggap sebagai pelajar berjaya manakala pelajar yang kurang menyerlah akan dilabel sebaliknya. Akibat amalan yang tidak sihat ini, masyarakat mula memberikan tumpuan khusus terhadap domain kognitif sahaja. Senario ini amat bertentangan dengan matlamat FPK lantas mendorong kewujudan koloni masyarakat pintar yang kurang prihatin terhadap kebajikan masyarakat dan negaranya. Akibatnya, kepintaran digunakan untuk mengambil kesempatan terhadap masyarakat demi kepentingan diri sendiri (Anwar, 2003; Berita Harian, 2008b; Siti Fatimah, 2008). Jika gejala ini tidak diatasi segera, ia boleh menghancurkan negara dan merosakkan tamadun kemanusiaan di Malaysia.

Pendidikan luar telah lama dicadangkan sebagai salah satu medium yang berkesan dalam meminimalkan gejala ini. Malah kewujudan falsafah pendidikan luar itu sendiri didorong oleh kewujudan gejala sosial serupa yang melanda negara Barat sejak zaman Revolusi Perindustrian lagi. Kurt Hahn (1886-1974) yang digelar Bapa Pendidikan Luar Moden melabel gejala sosial ini sebagai penyakit masyarakat. Beliau menggariskan enam isu sosial yang melanda masyarakat pada ketika itu:

1. Kerosotan kecergasan fizikal
2. Kerosotan kemahiran insaniah
3. Kerosotan disiplin sendiri
4. Kerosotan kreativiti dan daya usaha
5. Kerosotan kemahiran berfikir, dan
6. Kerosotan pemikiran rasional dan kesabaran

Prihatin dengan isu sosial ini, Kurt Hahn telah memperkenalkan suatu kaedah pendidikan alternatif yang kini dikenali sebagai pendidikan luar (James, 1995). Hasilnya, pendidikan luar telah berjaya mengubati sebahagian 'penyakit masyarakat' ini dan melahirkan generasi yang bertamadun dan prihatin terhadap diri sendiri, masyarakat dan alam sekitar

Jika diteliti dengan terperinci, isu sosial yang telah berlangsung di negara Barat kira-kira seabad lalu sedang mengancam kualiti hidup masyarakat Malaysia masa kini. Sewajarnya, masyarakat pendidik di Malaysia mengambil tindakan serupa (selain tindakan pencegahan yang lain) dalam sistem pendidikan hari ini agar isu sosial tersebut dapat diminimumkan. Cadangan ini disokong dengan pelbagai kajian yang membuktikan pendidikan luar sebagai salah satu medium utama dalam membangunkan potensi modal insan seterusnya meminimumkan gejala sosial masyarakat (Bunting, 2006; Hill, 2004; Mark, 2006; Marzuki, 2005; McGlenn, 2003; McMillan, Wright, & Beazley, 2004).

Pendidikan luar juga boleh menjadi salah satu medium terbaik dalam merealisasikan Wawasan "Satu Malaysia" yang telah diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini. Semangat 'hidup bersama' tanpa mengira warna kulit, agama dan bangsa yang diterapkan dalam pelbagai aktiviti pendidikan luar mampu memupuk generasi "Satu Malaysia" seterusnya menghapuskan sentimen perkauman yang telah sekian lama membendung pemikiran rakyat negara ini.

### **Pendidikan luar sebagai medium pembelajaran melalui pengalaman**

Kerajaan telah menekankan kepentingan proses pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan rakyat Malaysia. Malangnya tekanan sistem pendidikan yang banyak berfokuskan

pembelajaran bilik darjah telah mengongkang kreativiti pelajar dan membantutkan usaha ini. Lantaran, tekanan dan kebosanan akibat sistem pendidikan tradisional ini telah melahirkan golongan pelajar yang tertekan dan mudah memberontak.

Senario ini dapat dilihat melalui pola peningkatan pelanggaran disiplin di sekolah (Fauzi Jaafar, 2006; Utusan Malaysia, 2008). Malahan terdapat juga pelajar yang sanggup membunuh diri hanya kerana gagal mencatat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan (Mohd Faisal, 2008). Kedua-dua senario ini menunjukkan bahawa terdapat isu yang lebih serius dalam pelaksanaan pembelajaran bilik darjah berbanding pendidikan luar di Malaysia. Lantas, selain mempersoalkan tahap relevannya pendidikan luar dalam sistem pendidikan di Malaysia, penulis juga ingin mengajak pembaca untuk merenung tiga persoalan utama ini:

1. Apakah isu yang membelenggu proses pembelajaran bilik darjah sehingga mendorong kepada berlakunya pelbagai insiden negatif di sekolah?
2. Sejauh manakah keberkesanan reformasi sistem pendidikan negara yang telah diperkenalkan melalui pelbagai kurikulum baru seperti KBSR dan KBSM serta Dasar Pendidikan Negara yang telah diperkenalkan baru-baru ini? serta
3. Sejauh manakah hasil reformasi pendidikan yang berteraskan bilik darjah ini dapat diasimilasikan dalam proses pembelajaran sepanjang hayat pelajar?

Ketiga-tiga persoalan utama ini perlu direnung bersama oleh semua warga pendidik di Malaysia. Kesemua warga ini perlu bergabung dan bekerjasama untuk mencari jalan penyelesaian kepada kemelut yang tidak berkesudahan ini. Sekiranya benar faktor kebosanan sistem pendidikan bilik darjah mendorong isu pelanggaran disiplin di sekolah, penulis ingin mencadangkan agar kaedah pendidikan luar dapat segera diterapkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Berteraskan proses pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*), pendidikan luar mendedahkan peserta kepada pengalaman sebenar berbanding pembelajaran bilik darjah yang berfokuskan kepada teori sahaja (Ewert, Place, & Sibthorp, 2005). Hasilnya, pembelajaran lebih mudah difahami, berlangsung secara aktif dan kesannya berkekalan. Pelbagai kajian mendapati bahawa proses pembelajaran melalui pengalaman amat berkesan dalam menghasilkan kesan pembelajaran sepanjang hayat berbanding proses pendidikan yang bertumpukan aktiviti bilik darjah sahaja (Forgan & Jones, 2002; Itin, 1999; Lindsay & Ewert, 1999).

Selain itu, kaedah pembelajaran melalui pengalaman dalam program pendidikan luar menekankan kepentingan teknik fasilitasi dan interaksi empat hala antara pelajar, bahan, fasilitator dan alam sekitar dalam meningkatkan mutu pembelajaran. Ini jauh berbeza dengan situasi pembelajaran bilik darjah yang hanya melibatkan interaksi dua hala antara guru dan pelajar. Kesannya, proses pembelajaran melalui pengalaman ini akan mewujudkan pengalaman sebenar, perhatian yang kondusif dari tenaga pengajar, menggalakkan kreativiti dan membangunkan potensi individu secara menyeluruh. Hasil pembelajaran ini kelak dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian sekaligus menyumbang ke arah kesejahteraan diri pelajar tersebut, masyarakat dan negaranya (Hickcox, 2002; Itin, 1999; Kolb, 1984).

Selain itu, aktiviti pembelajaran yang berlangsung di alam semula jadi akan memberikan kelainan lantas mendorong pengaktifan semua pancaindera pelajar. Hal ini memudahkan lagi pelajar untuk menerima dan memahami isi pelajaran yang disampaikan. Tambahan pula, elemen kebebasan belajar di alam semula jadi, keseronokan, cabaran dan hubungan rapat antara pelajar dan fasilitator sewaktu proses pembelajaran bakal mewujudkan suasana

pembelajaran yang amat kondusif berbanding aktiviti bilik darjah (Hammerman, Hammerman, & Hammerman, 2001). Malahan, proses pembelajaran melalui pengalaman dalam pendidikan luar juga boleh digunakan sebagai aktiviti sokongan kepada proses pembelajaran bilik darjah (Beard & Wilson, 2002). Pasti nya gabungan strategi pembelajaran yang berbeza ini mampu mewujudkan suatu kelainan lantas meminimakan isu kebosanan pelajar di sekolah.

### **Kesan Timbal Balas akibat pemberhentian program pendidikan luar di Malaysia**

Penulis percaya bahawa pengurangan jangka masa pelaksanaan atau pembatalan program pendidikan luar, terutamanya di IPT akan mendatangkan kesan yang lebih buruk terhadap mutu pendidikan luar di Malaysia. Dikenali sebagai kesan 'timbal balas', penulis akan memperincikan senario yang mungkin berlaku akibat kesan penamatan atau pemberhentian program pendidikan luar dalam kalangan para pendidik negara.

Kebelakangan ini, pendidikan luar semakin mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan remaja Malaysia. Unjuran statistik menunjukkan bahawa saban tahun, Pusat Kokurikulum seluruh negara melaksanakan program pendidikan luar kepada lebih 200 ribu orang pelajar, diikuti oleh PLKN (100 ribu orang), dan Wilderness Malaysia (10 ribu orang) (Jaffry, 2008; Wilderness Malaysia, 2008). Jumlah ini tidak termasuk program pendidikan luar yang dilaksanakan di peringkat Institut Pendidikan Guru (IPG), universiti, kolej matrikulasi, kolej komuniti, politeknik, syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lain lagi. Jika diambilkira statistik penyertaan pendidikan luar yang dilaksanakan oleh kesemua institusi ini, dianggarkan bahawa tidak kurang dari 500 ribu orang rakyat Malaysia terlibat dalam pelaksanaan program pendidikan luar setiap tahun.

Majoriti pendidik program pendidikan luar yang dilaksanakan di seluruh negara ini mendapat asas pendidikan luarnya di IPT (termasuk IPG dan IPT). Penamatan atau pengurangan intensiti program pendidikan luar di IPT akan mendatangkan kesan negatif terhadap kualiti kepimpinan malah kemahiran pendidik ini. Akibatnya, pendidik ini mungkin akan mengalami pelbagai kesulitan dalam penganjuran program pendidikan luar di alam pekerjaan nanti. Malahan, pendidik atau jurulatih yang tidak mendapat latihan sewajarnya di IPT boleh mendorong pelbagai risiko kemalangan dalam program anjuran mereka. Hujah ini disokong melalui beberapa insiden seperti berikut:

(1) Pelajar IPT yang maut akibat amalan perkhemahan yang tidak betul (Azmi, Veena, & Shamsul Kamal, 2004; Jalal Ali, 1999), dan insiden pelajar dan guru yang lemas sewaktu menyertai aktiviti rombongan sekolah (Berita Minggu, 2006; Hamid & Nojie, 2005).

(2) Terdapat juga bukti yang menunjukkan bahawa program yang dikendalikan oleh jurulatih pendidikan luar yang terlatih amat selamat dan jarang diancam oleh risiko kemalangan akibat kecuai an manusia. Tinjauan penulis melalui pelbagai majlis ilmu, rujukan perpustakaan dan Internet mendapati sehingga kini tidak ada sebarang kematian yang berlaku dalam mana-mana aktiviti pendidikan luar anjuran institusi pengajian tinggi (jurusan Sains Sukan atau Pendidikan Jasmani), Outward Bound School dan Wilderness Camp. Faktor sifar kemalangan ini tentunya terhasil akibat perancangan program yang rapi dan dibantu oleh tahap kepakaran jurulatih organisasi tersebut.

Dua fakta ini jelas menyokong hujah bahawa proses pendidikan kejurulatihan pendidikan luar yang sistematik amat penting diterapkan kepada golongan bakal guru atau jurulatih agar dapat menjamin keselamatan dan kelancaran program yang dilaksanakan. Kegagalan IPT

melaksanakan tuntutan pendidikan kejurulatihan pendidikan luar yang sistematik ini mungkin akan mendatangkan pelbagai kesan tindak balas seperti yang telah dibincangkan.

## KESIMPULAN

Melalui penerangan ini, jelas bahawa pelaksanaan program pendidikan luar mampu mewujudkan pelbagai kesan yang positif berbanding isu yang menghimpitnya. Pengiktirafan keberkesanan pendidikan luar dalam mendukung pencapaian FPK juga terbukti apabila hampir semua institusi pendidikan menyenaraikannya sebagai salah satu mata pelajaran akademik, aktiviti kokurikulum mahupun program khas kepada pelajarnya. Hal ini terbukti melalui iltizam kerajaan Malaysia yang menyediakan peruntukan kewangan yang besar bagi melancarkan pelaksanaan program PLKN dalam kalangan remaja Malaysia. Kesemua fakta ini merupakan bukti kukuh betapa kerajaan menyokong dan mengiktiraf peranan pendidikan luar dalam menghasilkan generasi Malaysia yang cemerlang.

Penulis faham bahawa akibat kesan krisis ekonomi global, peruntukan kewangan untuk pelbagai program pendidikan juga perlu dikuncupkan. Faktor ini secara tidak langsung akan mendatangkan kesan kepada pendidikan luar yang melibatkan kos penganjuran yang tinggi. Namun, pemotongan kos ini tidaklah seharusnya mengurangkan kualiti dan intensiti program pendidikan luar yang sedia terlaksana di Malaysia. Dikhuatiri bahawa pelbagai isu yang telah diterangkan dalam artikel ini mungkin wujud dan menggugat keharmonian sistem pendidikan tinggi di Malaysia.

Bagi mengatasi senario ini, pentadbir dan pendidik dicadang merancang program pendidikan luar yang menjimatkan namun tidak mengurangkan kualiti program tersebut. Selain itu, program pendidikan luar di Malaysia juga memerlukan proses reformasi agar ianya selaras dengan perkembangan pendidikan masa kini. Berikut dicadangkan beberapa langkah yang boleh diambil bagi memastikan kesinambungan program pendidikan luar dalam menyahut cabaran FPK. Antara cadangan tersebut ialah:

1. Mengurangkan kos dengan melaksanakan program di kawasan perkhemahan sedia ada atau berhampiran dengan institusi penganjur (contohnya di Pusat Kokurikulum atau kawasan rekreasi luar yang dilengkapi infrastruktur asas). Amalan ini akan menjimatkan kos pengangkutan, penyediaan infrastruktur dan boleh memendekkan jangkamasa pelaksanaan program. Namun ini juga boleh mendorong kepada *hard skills* dan kerjasama pelajar yang boleh dibina melalui aktiviti penyediaan infrastruktur tapak perkhemahan. Sehubungan itu, sekiranya pendidik ingin mengaplikasi cadangan ini, suatu langkah alternatif perlu diwujudkan bagi memastikan elemen membina kemahiran tersebut tidak terpinggir.
2. Mengamalkan perkhemahan yang sederhana dan *back to basic* (mesra alam sekitar) bagi mengurangkan kos penganjuran. Amalan ini juga dapat mendedahkan pelajar kepada amalan primitif yang diamalkan oleh generasi terdahulu. Selain itu, mereka juga dapat menghayati pengorbanan dan kepayahan hidup generasi terdahulu dalam membina negara Malaysia. Kesannya, mereka akan lebih menghargai pelbagai kemudahan yang mereka miliki hari ini.
3. Melatih peserta perkhemahan pendidikan luar sebagai *peer teacher* iaitu rakan pembimbing sebaya bagi mengatasi isu jumlah fasilitator yang terlalu ramai

berbanding peserta. Selain menjimatkan kos, amalan ini kelak berupaya membina daya kepimpinan dan keprihatinan pelajar terhadap rakan mereka.

4. Melaksana dan menerbitkan lebih banyak kajian dalam bidang pendidikan luar bagi mendidik dan mendedahkan masyarakat tentang kepentingan pendidikan luar dalam membina generasi Malaysia yang cemerlang.
5. Menghasilkan pelbagai penerbitan elektronik dan bercetak bagi mengatasi kekeliruan masyarakat terhadap pendidikan luar. Selain itu, ia juga boleh dijadikan sumber rujukan jurulatih dan pendidik, khusus untuk meningkatkan tahap kemahiran mereka. Salah satu contoh laman Internet yang telah diwujudkan ialah [www.freewebs.com/outdoorasia](http://www.freewebs.com/outdoorasia).
6. Menambah jumlah bilangan kredit mata pelajaran pendidikan luar di IPT (daripada tiga kepada enam kredit) bagi mengatasi isu ketidaksetaraan jangkamasa pembelajaran.
7. Menyenaraikan pendidikan luar sebagai kursus wajib kepada semua pelajar IPT yang mengikuti bidang keguruan sepertimana di IPG sekarang. Hasilnya, pendidikan luar akan berfungsi sebagai kursus pembangunan sahsiah pelajar. Ini dapat meminimalkan isu ketidaksetaraan dalam peruntukan kredit dan jangkamasa sebenar yang diperuntukkan untuk mata pelajaran pendidikan luar di IPT.
8. Menubuhkan persatuan atau jawatankuasa pendidikan luar kebangsaan bagi merancang, melaksana dan mengawal selia mutu pelaksanaan pendidikan luar di Malaysia. Pada masa hadapan, pastinya program ini dapat dilaksanakan dengan sistematik, selamat dan terkini.

Secara keseluruhannya, penulis percaya bahawa isu dalam program pendidikan luar adalah agak kecil jika dibandingkan dengan kesan positif yang telah disumbangkan dalam proses perkembangan pendidikan di Malaysia. Namun begitu, isu ini tidak boleh diabaikan begitu sahaja kerana ia boleh melarat sekaligus menjejaskan perkembangan pendidikan luar di Malaysia. Langkah pencegahan yang diambil mestilah diperhalusi dengan teliti agar tidak menjejaskan kualiti program pendidikan luar yang sedang dilaksanakan. Ironinya, isu dan langkah mengatasi yang diambil akan menyumbang ke arah penambahbaikan pelaksanaan program pendidikan luar di Malaysia.

Berdasarkan pelbagai hujah dan fakta yang telah diperjelaskan dalam artikel ini, penulis ingin menegaskan bahawa pendidikan luar masih relevan dan amat penting untuk dilaksanakan dalam proses pendidikan di Malaysia yang semakin mencabar ini. Selain berfungsi sebagai suatu proses pendidikan modal insan, pendidikan luar juga boleh dijadikan sebagai medium pembelajaran alternatif yang menyokong proses pembelajaran bilik darjah. Berdasarkan konsep pendidikan yang berteraskan pembelajaran sepanjang hayat, penulis ingin merumuskan bahawa pendidikan luar telah lama terbukti berkesan sebagai suatu falsafah, kaedah, strategi dan mata pelajaran yang mendorong kearah pencapaian FPK. Sehubungan itu, pendidikan luar wajar diteruskan bagi memperkayakan lagi pengalaman masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini. Semoga kita akan berjaya mewujudkan sebuah negara bangsa yang harmoni dan bersatu sebagaimana yang telah digariskan dalam Wawasan 2020.

## RUJUKAN

- Abdul Halim, H. 2008. Sesat - mimpi ngeri di hutan. *Utusan Malaysia*. 29 Mac: 14.
- Ahmad Burak. 1993. BPG kaji semula program KLMS. *Berita Harian*. 6 Januari: 4.
- Anwar, H. 2003. Dua Datuk didakwa. *Berita Harian*. 15 Febuari: 2
- Ayu Zainora. 1992. Banyak yang tidak kena dalam KLMS. *Berita Harian*. 10 Januari: 17.
- Azita Amrin. 2008. Penilaian pelajar terhadap kompetensi pemimpin program pendidikan luar di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan: Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Azmi, M. D., Veena, R., & Shamsul Kamal, A. 2004. Dua maut dipanah petir. *Berita Harian*, 4 Mei: 1 Bahagian Pendidikan Guru. 2005. Panduan dan modul program Bina Insan Guru (BIG). Unpublished manuscript, Kuala Lumpur.
- Beard, C., & Wilson, J. P. 2002. *The power of experiential learning: A handbook for trainers and educators*. London: Kogan Page Limited.
- Berita Harian*. 2007. Lee sedih kes kematian PLKN meningkat. *Berita Harian*. 2 Mac: 2.
- Berita Harian*. 2008. Pelajar tidak timbul selepas terjun. *Berita Harian*. 20 Julai: 3.
- Berita Harian*. 2008. Sufiah tidak kesal jadi pelacur. *Berita Harian*. 7 April: 3.
- Berita Minggu*. 2006. Mayat pelajar Matrikulasi Pahang lemas ditemui. *Berita Minggu*. 12 November: 2.
- Berita Minggu*. 2008. Budak lelaki ditemui mati lemas dalam paya. *Berita Minggu*. 8 Jun: 3.
- Berita Minggu*. 2008. Mayat mangsa lemas terakhir di Benta, Pahang ditemui. *Berita Minggu*. 24 Febuari: 1.
- Bunting, C. J. 2006. *Interdisciplinary Teaching through outdoor education*. Illinois: Human Kinetics.
- Climer, A. 2001. *Training methods of non-degree College Outdoor Leadership Preparation Program*. Tesis Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan, University of New Hampshire, New Hampshire.
- Ebil, Y. 1999. *The effects of Malaysian department of wildlife and national park's environmental education program on the environmental knowledge and attitudes of 13 - 17 year old students*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, University of West Virginia, West Virginia.
- Ewert, A., Place, G., & Sibthorp, J. 2005. Early-life outdoor experiences an an individual's environmental attitudes. *Leisure Sciences* 27: 225 - 239.
- Fakulti Sains Sukan. 2007. *Kertas kerja Perkhemahan Amali Akhir Program Pendidikan Luar Universiti Pendidikan Sultan Idris* (Kerta Kerja yang tidak diterbitkan). Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Fauzi Jaafar. 2006. Kemewahan punca akhlak rosak. *Utusan Malaysia*. 3 November: 13.
- Forgan, J. W., & Jones, C. D. 2002. How experiential adventure activities can improve students' social skills. *Teaching Exceptional Children* 34(3): 52 - 56.

- Gass, M. 1987. The effects of a wilderness orientation program on college students. *Journal of Experiential Education* 10(2): 30 - 33.
- Gordon, B., & Dodunski, R. 1999. A study of the effect of an outdoor education experience on students perceptions of their peers. *Journal of Physical Education New Zealand* 32(2): 16 -18.
- Grammann, J. H., Bonifield, R. L., & Yong-geun, K. 1995. Effects of personality and situational factors on intentions to obey rules in outdoor recreation areas. *Journal of Leisure Research* 27(4): 326 - 338.
- Hamid, S., & Nojie, N. 2005. Enam mangsa Telaga Papan ditemui. *Berita Minggu*. 13 Februari: 1.
- Hammerman, D. R., Hammerman, W. M., & Hammerman, E. L. 2001. *Teaching in the outdoors* Edisi 5. Illinois: Interstate Publishers Inc.
- Hattie, J., Marsh, H. W., Neill, J. T., & Richards, G. E. 1997. Adventure education and Outward Bound: Out-of-class experiences that make a lasting difference. *Review of Educational Research* 67(1): 43 - 87.
- Heyliger, J. 2002. The effects of experiential education on the academic achievement of middle and high school students.  
<http://www.wilderdom.com/schools/Heyliger2002ExperientialEducationAcademicAchievementSchool.doc>. [20 Oktober 2008]
- Hickcox, L. K. 2002. Personalizing teaching through experiential learning. *College Teaching* 50(4): 123 - 128.
- Hill, S. B. 2004. Camping to change the world. *Australian Journal of Outdoor Education* 8(1): 60 - 68.
- Hughes, C. S., & Estes, C. A. 2005. The influence of environmental education on environmentally responsible behaviors of undergraduate students in a traditional and nontraditional setting. *Journal of Experiential Education* 27(2): 308 - 310.
- Hunt, J. S. 1995. Dewey's philosophical method and its influence on his philosophy of education. In K. Warren, M. Sakofs & J. Hunt (Eds.), *The theory of experiential education*. Iowa: Kendall Hunt.
- Irmaz, D. 2007. 'Bedah siasat' atasi kelemahan PLKN. *Berita Harian*. 7 Julai: 2.
- Itin, C. M. 1999. Reasserting the philosophy of experiential education as a vehicle for change in the 12th century. *Journal of Experiential Education* 22(2): 91 -98.
- Jabatan Pengajian Sukan. 2007. Kertas cadangan perkhemahan induk Program Pendidikan Luar (Kertas Kerja yang tidak diterbitkan). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Jaffry, Z. 2008. The effects of National Service programme in Perlis state on group cohesion. Tesis Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan, University Putra Malaysia, Serdang.
- Jalal Ali, A. R. 1999. Dua remaja daki Gunung Korbu meninggal dunia. *Berita Harian*. 25 Mei: 2.
- Jalal Ali, A. R. 2007. Tidak setuju asing pelatih PLKN. *Berita Harian*. 8 Jun: 5.
- James, T. 1995. Kurt Hahn and the aims of education. In K. Warren, M. Sakofs & J. Hunt (Eds.), *The Theory of Experiential Education* (3rd ed., pp. 33 - 43). Colorado: Kendall/Hunt Publishing Co.
- Jordan, S., & Strathdee, R. 1999. Comprehensive evaluation of Learning Experiences Outside the Classroom (L.E.O.T.C) programme. Christchurch: University of Canterbury.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1999. Panduan pengurusan Pusat KoKurikulum. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kolb, D. 1984. The process of experiential learning. In D. Kolb (Ed.), *Experiential Learning: Experience As The Source Of Learning and Development* (pp. 20 - 38). New Jersey: Prentice Hall.
- Lindsay, A., & Ewert, A. 1999. Learning at the edge: Can experiential education contribute to educational reform? *Journal of Experiential Education* 22(1): 12 - 19.
- Mark, D. 2006. Knowing our place: A perspective on the contribution of outdoor education and its relationship with the outdoor recreation industry. *Australian Journal of Outdoor Education* 10(1): 54.
- Mazuki, M. Y. 2005. Kesan program perkhemahan pendidikan luar terhadap kesepaduan kumpulan. Tesis Ijazah Sarjanamuda yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- McGlenn, J. M. 2003. The impact of experiential learning on student teachers. *The Clearing House* 76(3): 143 - 147.
- McMillan, E. E., Wright, T., & Beazley, K. 2004. Impact of a university-level environmental studies class on students' values. *The Journal of Environmental Education* 35(3): 19 - 28.
- Md Amin, M. T. 2004. A residential outdoor education camp and environmental attitudes: A case study. Tesis Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan, University of Otago, Otago, New Zealand.
- Md Amin, M. T. 2007. Residential outdoor education and environmental attitudes: A case study. Kertas peridangan yang dibentangkan di 15th Australian National Outdoor Education Conference. Ballarat, Victoria, Melbourne.
- Mew Im, C., Noor Azlin, N. Y., & Manohar, M. 2006. Preliminary findings on the effectiveness of environmental education programme in Malaysia. Kertas persidangan Management and Status of Resources in Protected Areas of Peninsular Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mohd Faisal, M. 2008. Padah ghairah budaya 'A'. *Utusan Malaysia*. 18 Januari: 4.
- Mohd Nur Asmawi, D. 2008. Dua lemas selamatkan rakan. *Harian Metro*. 1 April: 2.
- Mohd Yusof, B. 1992. Dua pensyarah maktab ditemui mati. *Berita Harian*. 18 Ogos: 2.
- Neill, J. T. 2002. Meta-Analytic Research On The Outcomes Of Outdoor Education. Kertas persidangan yang dibentangkan di 6th Biennial Coalition for Education in the Outdoors Research Symposium, Bradford Woods.
- Normar, A. 2002. Persepsi guru pelatih terhadap perlaksanaan dan keberkesanan program amali pendidikan luar di Maktab Perguruan Zon Timur. *Jurnal Pendidikan Maktab Perguruan Kuala Terengganu* 4(1): 12 - 20.
- Osman, L. 2007. Dua puluh tiga pelatih PLKN sesat 'hidup' makan biskut. *Berita Harian*. 2 Mei: 2.
- Priest, S. 1989. International experts rank critical outdoor leadership concerns and components. *Journal of Physical Education, Recreation and Dance* 60(2): 72 - 77.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 1995. Sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.



- Samsudin, I. 2006. Tiga Rakan Muda mati lemas waktu latihan menyelamat Jabatan Pertahanan Awam. *Berita Harian*. 21 November: 2.
- Scholer, E. A. S., & Lee, T. T. 1980. Teacher training in physical education in Malaysia. *Journal of Physical Education Recreation and Dance*: 74 - 76.
- Siti Fatimah, H. 2008. Wang zakat RM 1.6 juta lesap. *Harian Metro*. 2 Ogos: 1.
- Smith-Sebasto, N. J., & Cavern, L. 2006. Effects of pre and posttrip activities associated with a residential environmental education experience on students' attitudes toward the environment. *The Journal of Environmental Education* 37(4): 3 - 17.
- Takako, T. 2006. Building a bond with the natural environment through experiential engagement: A case study of land-based education in rural Alaska. *Journal of Experiential Education* 28(3): 281 - 284.
- Thomas, G. 2008. Facilitate First Thyself: The Person-Centered Dimension of Facilitator Education. *The Journal of Experiential Education* 31(2): 168.
- Utusan Malaysia*. 2008. Pelajar SMK Perlis pukul guru digantung seminggu. *Utusan Malaysia*. 17 Oktober: 1.
- Wilderness Malaysia. 2008. About WCSB.  
<http://www.wildernessmalaysia.com/History.html> [20 Oktober 2008]
- Yoshino, A. 2005. Environmental outcomes of wilderness-based programs of different lengths. *Journal of Experiential Education* 27(3): 314 - 317.
- Zink, R. 2003. Abseiling at five, rafting at ten, what do we do with them when they are 15? *New Zealand Journal of Outdoor Education* 1(2): 56 - 62.

**Corresponding author:** [aminkenu@hotmail.com](mailto:aminkenu@hotmail.com)